EDISI KHAS

BELANJAWAN KITASELANGOR 2027

Negeri Progresif, Institusi Dijunjung, Rakyat Disantuni

selangorkini

PERCUMA | PP 19570/07/2020 (035196) | 12 - 18 NOVEMBER 2026 | mediaselangor.com

Perubahan iklim fokus belanjawan

Sebanyak 47 projek tebatan bernilai RM36.45 juta akan dibina dalam Rancangan Selangor Kedua bagi menangani masalah banjir yang berlaku akibat faktor perubahan iklim.

Pembangunan tersebut disusun mengikut tahap risiko meliputi 354 kawasan di negeri ini. Sebahagian daripada projek jangka pendek atau jangka panjang itu telah dan sedang dijalankan.

Usaha menjamin bekalan air bersih juga dilakukan secara berterusan termasuk memastikan operasi loji rawatan tidak terjejas meskipun berlaku masalah pencemaran sungai.

MUKA 4



Beberapa penunggang p-hailing mengambil tempahan di Kompleks PKNS Shah Alam pada 14 November 2026. Seramai 5,000 pekerja sektor itu berpeluang menerima baucar RM100 sebulan dan latihan kemahiran melalui inisiatif dalam Belanjawan Selangor 2027. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM ▶BERITA MUKA 10

Elaun 14,900 guru KAFA naik

Hampir 15,000 pendidik agama terima RM1,700 mulai Januari



10

Golongan rentan nikmati manfaat BINGKAS

10,000 penerima terima RM150 sebulan mulai tahun depan

BINGKAS

11

Dari sekolah hingga universiti terus dibantu

Pelajar nikmati makanan, tuisyen, biasiswa dan bantuan pengajian



12

WARTAWAN Nadiah Zamlus, Norrasyidah Arshad, Sofia Nasir, Suhaila Shahrul Annuar, Sheeda Fathil, Dewi Abdul Rahman, Siti Rohaizah Zainal, Ufairah Tarmidzi, Nadhirah Fattah & Nurdini Rosliza

JURUFOTO Ahmad Zakki Jilan, Fikri Yusof, Harun Tajudin & Adam Darwish

Bantu pekerja gig ubah haluan kerjaya

INISIATIF yang disediakan untuk pekerja gig dijangka berupaya mengubah haluan hidup kelompok itu daripada hanya bekerja sementara kepada memiliki pekerjaan lebih stabil.

Pensyarah Kanan Ekonomi Siti Asmahan Mohd Ali dari Universiti Sains dan Pengurusan berkata ia ekoran Belanjawan Selangor 2027 menyediakan latihan peningkatan kemahiran (upskilling) dan latihan kemahiran semula (reskilling).

Katanya, latihan itu membantu mereka memperoleh sijil kemahiran dan kelayakan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) sebelum menceburi bidang pekerjaan lain seperti sektor perindustrian, bengkel atau pekerjaan pejabat.

"Ramai memilih pekerjaan gig sebagai kerjaya sedangkan pekerjaan ini memerlukan tenaga fizikal dan tidak semestinya menjamin pendapatan stabil untuk jangka panjang.

"Apabila mereka mendapat latihan dan sijil kemahiran, mereka ada peluang untuk beralih ke pekerjaan lain yang lebih terjamin," katanya dalam program Bicara Semasa terbitan Media Selangor.

Dalam Belanjawan Selangor 2027, Dato' Menteri Besar mengumumkan Baucar Kita Selangor Gig sebanyak RM100 sebulan kepada 5,000 pekerja p-hailing berdaftar dari kalangan anak negeri.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata baucar itu disekali dengan program latihan pendedahan teknologi dan peluang industri baharu untuk diceburi mereka melalui modul latihan ekspres.

Program berkenaan akan dijalankan Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC) melalui peruntukan RM10 juta termasuk latihan.

Siti Asmahan menganggap langkah berkenaan sangat penting kerana golongan pekerja p-hailing berdepan kesukaran untuk mendapatkan kemudahan kewangan berikutan pendapatan tidak tetap.

Justeru, katanya, kemakmuran ekonomi Selangor yang mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 6.2 peratus dapat dirasai golongan berpendapatan rendah termasuk pekerja gig.

"Maju untuk siapa? Kemajuan itu sepatutnya memberi manfaat kepada rakyat pada peringkat akar umbi termasuk memastikan mereka mempunyai makanan, pakaian dan tempat tinggal mencukupi.

"Kerajaan juga perlu memperbanyakkan rumah mampu milik supaya golongan seperti penghantar makanan berpeluang memiliki kediaman sendiri," katanya lagi.

Beliau juga menegaskan kemajuan sesebuah negeri tidak harus diukur berdasarkan pencapaian ekonomi semata-mata, sebaliknya perlu dilihat berdasarkan manfaat yang diterima masyarakat.

Katanya, pendekatan itu penting bagi memastikan kemakmuran negeri bukan hanya tertumpu kepada sektor industri dan perniagaan tetapi dirasai golongan berpendapatan rendah serta sederhana.

Namun, katanya, keteguhan ekonomi memberi ruang pentadbiran negeri merancang banyak inisiatif bagi memenuhi keperluan rakyat meliputi pendidikan, pembangunan, kemahiran dan kebajikan.

"Kerajaan bukan sekadar perlu memberi bantuan tetapi turut menyediakan peluang supaya rakyat mempunyai kemahiran dan kelayakan untuk meningkatkan pendapatan sendiri.

"Apabila seseorang memperoleh sijil TVET atau kemahiran tertentu, mereka boleh bergerak ke hadapan, mendapatkan pekerjaan lebih baik atau membangunkan perniagaan kecil," katanya.



"Ramai memilih pekerjaan gig sebagai kerjaya sedangkan pekerjaan ini memerlukan tenaga fizikal dan tidak semestinya menjamin pendapatan stabil untuk jangka panjang. Apabila mereka mendapat latihan dan sijil kemahiran, mereka ada peluang untuk beralih ke pekerjaan lain yang lebih terjamin,"

SITI ASMAHAN MOHD ALI
Pensyarah Kanan Ekonomi
Universiti Sains dan Pengurusan

Keutamaan pendidikan lonjak kemajuan negeri

UNIVERSITI Islam Selangor (UIS) dan Universiti Selangor (UNISEL) perlu terus menerima sokongan dana mencukupi bagi memperkukuh usaha melahirkan modal insan berkualiti.

Menurut Ahli Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia (MACFEA), sokongan kewangan penting bagi memastikan kelangsungan program pendidikan sebagai pemangkin agenda negeri.

Dr Mohd Amim Othman berkata subsidi yuran pengajian sehingga 50 peratus kepada anak Selangor perlu diteruskan kerana ia memperluas akses pendidikan tinggi kepada keluarga berpendapatan rendah.

"Apabila melihat Belanjawan Selangor dan adanya subsidi 50 peratus kepada pelajar UIS, ini satu pendekatan yang sangat baik untuk menambah peluang pelajar melanjutkan pengajian.

"Institusi seperti UIS dan UNISEL juga memerlukan dana mencukupi termasuk menjaga kebajikan tenaga pengajar kerana mereka kunci kejayaan sesebuah institusi pendidikan," katanya lagi.

Beliau berkata demikian semasa mengulas pembentangan Belanjawan Selangor 2027 oleh Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari dalam program Bicara Semasa terbitan Media Selangor.

Dr Mohd Amim yang juga Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) menyifatkan tumpuan Selangor terhadap aspek pendidikan lain juga wajar diberi penghargaan.

Beliau antara lain merujuk kepada peruntukan RM1.425 juta untuk Program Peningkatan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) yang dijangka memberi manfaat kepada 164,215 murid Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI).

Dr Mohd Amim juga menyentuh kenaikan elaun bulanan 7,245 guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) sebanyak RM200 kepada RM1,700 mulai Januari 2027 yang membabitkan peruntukan RM14 juta.

Belanjawan itu disifatkannya banyak memberi penekanan kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Selain itu, pembangunan bakat menerusi program latihan industri Selangor Programme for Aspiring, Ready and Knowledgeable Talents (SPARK) yang menawarkan elaun RM1,500 sebulan.

Menurut Dr Mohd Amim, aspek kebajikan asas seperti pemakanan juga tidak boleh dipisahkan daripada pembangunan pendidikan kerana murid yang mendapat khasiat mencukupi lebih mudah memberi tumpuan belajar.

"Apabila perut kenyang dan keperluan asas dipenuhi, barulah anak-anak boleh memberi perhatian kepada pembelajaran. Sebab itu inisiatif seperti Nutrisi Selangor (NutriSel) penting," katanya.

Beliau juga berpandangan pendidikan sepanjang hayat khususnya berkaitan perancangan kewangan peribadi dan keluarga perlu diperluas bagi membantu masyarakat mengurus pendapatan dengan lebih berkesan.

Katanya, peningkatan gaji tidak semestinya menjamin kesejahteraan jika orang ramai tidak memiliki pengetahuan baik dalam mengurus kewangan terutama ketika berdepan peningkatan kos sara hidup.

"Kerajaan bukan sahaja perlu membantu dari segi kewangan tetapi turut menyediakan pendidikan supaya masyarakat tahu mengurus pendapatan, perbelanjaan dan simpanan.

"Program pendidikan seperti ini boleh memberi kesan lebih besar dalam jangka panjang kerana masyarakat mempunyai kemahiran untuk mengurus kehidupan sendiri," katanya.

Beliau mencadangkan pendekatan pembiayaan sosial diperluas dengan menggalakkan syarikat korporat menyumbang dalam program kebajikan melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Kekayaan ekonomi Selangor perlu diterjemah kepada manfaat lebih menyeluruh supaya golongan pekerja termasuk mereka yang menerima gaji rendah dan sederhana menikmati hasil pembangunan," katanya.

DAPATKAN
akhbar versi digital



IMBAS DI SINI

Tebus bantuan RM300 sebulan guna MyKad



PENGGUNAAN e-dompet untuk program Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) tidak akan dihenti sebaliknya berjalan serentak dengan kaedah pembayaran menggunakan MyKad.

EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat, Anfaal Saari berkata MyKad dijadikan kaedah alternatif bagi memudahkan penerima menebus bantuan jika berlaku sebarang gangguan sistem.

Katanya, transaksi menggunakan MyKad akan dibuat seumpama pendekatan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) sekali gus memudahkan penerima menggunakannya di premis perniagaan yang menyediakan perkhidmatan penebusan SARA.

"Melalui MyKad, maklumat transaksi akan diselaras dengan sistem e-dompet secara langsung bagi membolehkan penerima menyemak baki semasa serta memantau perbelanjaan."

ANFAAL SAARI
EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat

"Kedua-dua kaedah ini akan digunakan serentak bagi memudahkan penerima terutama sekiranya berlaku gangguan internet, masalah sistem atau kesilapan teknikal pada e-dompet," katanya.

Beliau memberitahu penyelarasan kedua-dua kaedah itu juga membantu penerima menyemak baki semasa secara langsung selain memudahkan pemantauan perbelanjaan dan transaksi bantuan.

"Melalui MyKad, maklumat transaksi akan diselaras dengan sistem e-dompet secara langsung bagi membolehkan penerima menyemak baki semasa serta memantau perbelanjaan," ujarnya lagi.

Pelaksanaan BINGKAS 3.0 itu hasil peruntukan RM100 juta menawarkan dua kategori. Bagi kategori A iaitu RM300 sebulan selama 12 bulan kepada keluarga yang ada sekurang-kurangnya dua anak bawah 18 tahun .

Kategori B pula menyediakan bantuan sebanyak RM150 sebulan untuk penjaga warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan pesakit terlantar.

Anfaal menjelaskan syarat minimum dua anak bawah 18 tahun itu diperkenal sejak BINGKAS 2.0 pada Julai 2024 manakala keluarga yang tidak memenuhi kelayakan boleh menerima bantuan lain.

Permohonan kategori A dibuka mulai 10 November hingga 9 Disember manakala pendaftaran bagi kategori B dijadual bermula Januari tahun depan.

Pasang CCTV langkah cegah jenayah di sekolah



PEMASANGAN kamera litar tertutup (CCTV) 551 sekolah agama antara langkah berjaga-jaga bagi mengekang sebarang risiko kejadian jenayah dan menjaga keselamatan warga sekolah.

EXCO Hal Ehwal Agama Islam dan dan Pembudayaan Inovasi, Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata tindakan itu sebagai usaha pencegahan bagi memastikan persekitaran sekolah agama kekal selamat.

Beliau menjelaskan keadaan keselamatan di sekolah agama setakat ini terkawal tetapi pemasangan CCTV penting sebagai langkah awal bagi mengelakkan kejadian tidak diingini.

"Keadaan terkawal tetapi kita mengambil langkah berjaga-jaga awal menerusi pemasangan CCTV bagi mengekang isu keselamatan dan kejadian jenayah daripada berlaku di sekolah," katanya.

Pemasangan CCTV bersepadu dijalankan menggunakan peruntukan JAIS bagi memastikan suasana pembelajaran selamat, telus dan bebas ancaman pencerobohan mahupun gejala buli.

Dalam perkembangan lain, Dr Mohammad Fahmi berkata pertambahan elaun guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) kepada RM2,000 sebulan mulai Jun bagi mengiktiraf peranan mereka dalam pendidikan.

"Kita berharap peningkatan elaun ini dapat memberi semangat kepada guru KAFA untuk terus komited mengekalkan kualiti pendidikan di sekolah-sekolah agama di Selangor," katanya.

Seramai 14,490 guru KAFA menikmati tambahan RM200 menjadikan nilai elaun bulanan naik daripada RM1,500 kepada RM1,700 mulai Januari.

Kadar berkenaan dijangka dinaikkan pada Jun selepas kajian seiring pengumuman Putrajaya yang menaikkan kadar gaji minimum daripada RM1,700 kepada RM2,000 sebulan.

Bantuan komputer riba bantu proses pembelajaran



INISIATIF Laptop Kita Selangor disifatkan langkah yang berupaya membantu golongan anak muda, khususnya dari kalangan keluarga kurang berkemampuan untuk memperoleh kemudahan pembelajaran.

Menurut EXCO Belia, Najwan Halimi, komputer riba antara keperluan dalam pembelajaran selain membantu pelajar menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi termasuk kecerdasan buatan (AI).

"Pemberian laptop ini perkara menyeluruh yang penting sebab kalau lihat sekarang ia digunakan pakai bukan untuk bekerja tetapi yang belajar di universiti, kolej dan peringkat menengah.

"Usaha ini selaras hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan pendidikan sebagai keutamaan dan pada masa sama menyesuaikan, membudayakan teknologi khususnya kecerdasan buatan.

"Pemberian laptop ini meringankan beban mereka yang belajar terutama golongan berpendapatan rendah. Kelayakan akan diperinci nanti tetapi tumpuan kepada kelompok kurang mampu," katanya.

Inisiatif itu diperkenal dalam Belanjawan Selangor 2027 melalui peruntukan RM16.8 juta yang menyediakan 8,400 komputer riba kepada anak muda bagi menyokong keperluan pembelajaran dan meningkatkan akses kepada teknologi digital.

Mengulas belanjawan sama, Najwan yang juga EXCO sukan memberi jaminan program pembangunan atlet tetap diteruskan meski belum ada pengumuman untuk sukan dalam Belanjawan Selangor 2027.

Beliau memberitahu program pembangunan atlet diteruskan menerusi pelbagai program termasuk penganjuran Sukan Selangor (SUKSES).

Katanya, tumpuan pada masa ini terarah kepada usaha mengenal pasti dan membangunkan bakat baharu sebagai persediaan menghadapi temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2028 di Kelantan.

Katanya, SUKSES akan membabitkan penyertaan sembilan daerah bagi membuka peluang kepada lebih ramai atlet berpotensi dikenal pasti dan diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.

"Tahun ini sudah selesai SUKMA dan tahun depan fokus pembangunan atlet. Kita akan laksanakan SUKSES bagi mengenal pasti bakat baharu yang melibatkan sembilan daerah di seluruh negeri.

"Kita juga akan buat persiapan secara menyeluruh untuk menghadapi SUKMA 2028 di Kelantan nanti," katanya lagi.

Perubahan iklim jadi tumpuan belanjawan



BELANJAWAN Selangor 2027 memberi penekanan besar terhadap usaha terancang dalam menangani masalah perubahan iklim meliputi projek pembangunan mahupun rancangan tebatan banjir.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Kerajaan Selangor menitik berat usaha penyesuaian segala perancangan negeri termasuk projek prasarana dengan perubahan iklim.

"Penekanan besar diberi bagaimana adaptasi negeri dengan perubahan iklim. Terutamanya menyesuaikan dengan projek prasarana dan menitik berat pelaksanaan projek pembangunan atau tebatan banjir.

"Ia meliputi usaha untuk memastikan bekalan air berterusan dengan pembinaan loji rawatan, loji jana kuasa tenaga daripada sisa (WTE), solar dan pelbagai inisiatif lain," katanya.

Amirudin menjelaskan belanjawan kali ini secara keseluruhan memperuntuk sebanyak RM3.3 bilion bagi melaksanakan perbelanjaan mengurus dan pembangunan negeri.

Beliau memberitahu sebanyak RM1.9 bilion bersamaan 57.6 peratus untuk perbelanjaan mengurus, manakala RM1.4 bilion atau 42.4 peratus bagi pembangunan.

Katanya, negeri menganggarkan hasil yang mampu dikutip sebanyak RM2.85 bilion tahun depan meliputi premium tanah berjumlah RM1.112 bilion bersamaan 39 peratus daripada anggaran hasil.

"Seterusnya, cukai tanah diunjur menyumbang RM653.82 juta bersamaan 23 peratus daripada hasil keseluruhan, manakala pemberian persekutuan RM292.70 juta bersamaan 10 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentang Belanjawan Selangor 2027 bertema Negeri Progresif, Institusi Dijunjung, Rakyat Disantuni di Dewan Negeri Selangor di sini pada 13 November

Pada tahun lalu, Selangor memperuntuk RM3.23 bilion bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan negeri. Belanjawan Selangor 2027 berasaskan lima tonggak berikut:

- **Ketangkasan Menangani Perubahan Iklim dan Merekayasa Pembangunan Prasarana**
- **Memartabat Kesejahteraan Rakyat**
- **Kecerdasan Buatan dan Ekonomi Negeri Selangor**
- **Memperkasa Pendidikan Sepanjang Hayat, Membina Generasi Progresif**
- **Pemantapan Khidmat Rakyat**

Dalam pembentangan berkenaan, Amirudin juga menjelaskan Belanjawan Selangor 2027 itu antara peruntukan tertinggi dalam tempoh hampir 20 tahun pentadbiran negeri.

Katanya, buat pertama kali, belanjawan negeri memberi penekanan khusus terhadap perubahan iklim sebagai strategi memperkukuh daya saing negeri dalam menghadapi cabaran masa depan.

"Ini antara perbelanjaan yang tertinggi pernah dibelanjakan sepanjang hampir 20 tahun pentadbiran, ini antara tertinggi kedua atau ketiga.

Dalam sidang media pula, Amirudin berkata perbelanjaan tinggi infrastruktur awam merupakan inisiatif pembangunan negeri untuk diterjemah kepada kualiti kehidupan lebih baik.

"Pecahan paling besar iaitu 35.9 peratus disalur kepada infrastruktur awam yang bernilai RM503.1 juta. Kita juga tidak melupakan sektor pendidikan, tahun lepas RM136 juta.

"Mungkin tahun ini ada sedikit pengurangan tetapi apabila dicampur dengan (perbelanjaan program) NutriSEL, nilainya hampir sama atau lebih.

"Tahun ini, kita juga ada inisiatif baharu seperti laptop (komputer riba) untuk mahasiswa anak muda di semua Dewan Undangan Negeri (DUN), kita letak taraf harga RM2,000 untuk setiap komputer riba yang memanfaatkan 8,400 orang," ujarnya.

Belanjawan bukan 'gula-gula' pilihan raya

BELANJAWAN Selangor 2027 bukan 'gula-gula' pilihan raya sebaliknya dokumen itu dirangka bagi memastikan segala perancangan dan peruntukkan membawa manfaat kepada segenap lapisan rakyat.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyedari setiap keputusan ada kesan politik tetapi ia tidak boleh menjejaskan komitmen terhadap agenda pembangunan dan kebajikan rakyat.

Beliau memberitahu pelaksanaan semua program mahupun pengumuman bantuan akan terus dilakukan dari masa ke semasa mengikut keperluan tanpa mengira musim pilihan raya atau sebaliknya.

"Setiap keputusan kita sama ada Rancangan Selangor Pertama (RS-1), Rancangan Selangor Kedua (RS-2), pakej rangsangan ekonomi, hatta seperti pembentangan belanjawan ini sekali pun, memang akan memberi impak politik.

"Musim pilihan raya atau tidak musim pilihan raya, memang tiap-tiap tahun kita akan umum Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada penjawat awam.

"Kita tetap juga akan umum beberapa program baharu yang nanti kita akan terangkan dalam belanjawan akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam wawancara khas bersama Media Selangor di Kediaman Rasmi Bukit Megawati, Shah Alam pada 5 November sebelum pembentangan belanjawan.

Amirudin berkata perhatian diberi kepada beberapa anjakan besar termasuk ketidaktentuan geopolitik, perkembangan pesat teknologi, keselamatan siber dan kecerdasan buatan (AI).

Beliau menjelaskan perkembangan krisis antarabangsa yang berlaku jauh dari Malaysia tetap boleh memberi kesan secara tidak langsung terhadap kehidupan rakyat termasuk di Selangor.

"Kita telah memasuki situasi krisis yang tidak nampak di depan mata dan krisis itu berlaku jauh daripada kita, tetapi ia memberi kesan kepada kita secara tidak langsung.

"Justeru, kita akan memberi beberapa suntikan supaya rakyat dapat bertahan dalam menghadapi ketidaktentuan ini," katanya.



Perkukuh ekosistem sumber bekalan air

Bagi memperkukuh daya tahan iklim ekoran perubahan alam yang melanda dunia kebelakangan ini, Kerajaan Selangor merangkum pelbagai usaha yang menyeluruh bagi menangani masalah tersebut.

Ia meliputi projek pembangunan takungan luar sungai, perlindungan pesisir pantai selain mekanisme bagi memastikan operasi loji air tidak terjejas meliputi membendung pencemaran.

Menurut Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, daya tahan iklim turut bermaksud memastikan bekalan air tidak terputus ketika sumber terjejas atau operasi loji terganggu.

Katanya, RM101 juta diperuntuk bagi meneruskan usaha menjamin bekalan air bersih termasuk Skim Jaminan Air Mentah yang melindungi operasi loji dari terjejas akibat pencemaran.

Kapasiti rawatan perlu disokong rangkaian agihan berdaya tahan meliputi penggantian paip usang, pembaikan loji dan keterhubungan grid air yang bergerak seiring.

Beliau memberitahu Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) turut mencadangkan peruntukan RM1 juta bagi membina takungan luar sungai sebagai kaedah alternatif jika sumber biasa terjejas.

Selain itu, dana RM150,000 disediakan untuk sistem pensampelan automatik air mentah yang membantu LUAS mengesan perubahan lebih awal sekali gus menentukan tindakan yang perlu.

Peruntukan RM3.5 juta juga disediakan untuk kajian Pelan Induk Air Negeri Selangor yang dijadual siap pada 2028 bagi menyelaraskan pengurusan air mentah, air terawat dan air kumbahan dengan pengurusan banjir.

Pada masa sama, Rancangan Selangor Kedua (RS-2) juga mengenal pasti peluasan kapasiti rawatan melalui projek Rasau, Langat 2 dan Labohan Dagang. Rasau fasa dua dijangka menambah kapasiti 700 juta liter sehari, Labohan Dagang fasa dua (tambah 200 juta liter sehari).

Amirudin menegaskan kapasiti rawatan perlu disokong rangkaian agihan berdaya tahan meliputi penggantian paip usang, pembaikan loji dan keterhubungan grid air yang bergerak seiring.

Rangkaian yang melengkapkan keterhubungan 36 terminal takungan menjelang hujung tahun 2028 memberi lebih ruang untuk mengalih bekalan apabila satu bahagian sistem mengalami gangguan.

Kerja kejuruteraan itu perlu seiring perlindungan ekosistem termasuk kepentingan paya bakau yang melindungi pesisir manakala hutan di kawasan tadahan mengawal aliran air.

Katanya, dana RM6.45 juta disalur untuk 14 projek pembangunan pantai termasuk mengukuh benteng di kawasan berisiko hakisan dan air pasang di Sabak Bernam, Kuala Selangor, Kuala Langat, Sepang dan Klang.

Beliau menegaskan kerja kejuruteraan itu perlu seiring perlindungan ekosistem termasuk kepentingan paya bakau yang melindungi pesisir manakala hutan di kawasan tadahan mengawal aliran air.

Justeru, Selangor membangunkan projek kredit karbon dan kredit biodiversiti melalui peruntukan RM2 juta yang dijalankan berpandu kepada hasil kajian di kawasan terlibat.

Bagi memperkukuh perlindungan terhadap kesan perubahan iklim, Kerajaan Negeri juga meneruskan usaha peralihan kepada ekonomi rendah karbon.

Amirudin berkata sebanyak RM559 juta juga akan dibelanjakan bagi menggantikan 6,000 kilomter paip usang yang dijalankan sejak 2016 dengan sasaran tahunan sepanjang 150 kilometer setahun.

Bermula 2024, katanya, Kerajaan Negeri dan Air Selangor meningkatkan peruntukan tahunan dan meningkatkan kadar penggantian paip usang kepada 300km setahun bagi mempercepat proses itu.

"Sehingga Ogos 2026, paip usang sepanjang 1,231.01 km telah selesai diganti," katanya.

Beliau berkata projek penurunan kadar air tidak terhasil (NRW) pula menelan belanja RM120.8 juta pada tahun depan bagi mengatasi masalah pembaziran dan isu tekanan air.

Sasaran NRW bagi 2027 sebanyak 25.8 peratus berbanding 26.3 peratus tahun ini. Air Selangor menjangka penurunan 0.5 peratus setahun bagi 2026 dan 2027, selari sasaran Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Dana RM209.2 juta pula disediakan bagi projek keterhubungan grid air meliputi pembinaan prasarana di jajaran di Petaling, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Klang, Hulu Langat, Sepang dan Kuala Selangor.

Projek yang menyasar 100 peratus keterhubungan air 36 terminal empangan pada akhir 2028 bertujuan memastikan daya tahan sistem bekalan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

47 projek tebatan tangani bah

Kerajaan Negeri memperuntuk RM36.45 juta tahun depan bagi membina sebanyak 47 projek tebatan mencakupi 30 projek sambungan dan 17 projek baharu dalam Rancangan Selangor Kedua (RS-2).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu semua projek di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu bertujuan menangani masalah banjir dalam jangka pendek.

Katanya, sebanyak 13 daripada 30 projek sambungan siap manakala sembilan lagi sedang dibina selain dua projek pada peringkat pratender serta enam lagi dalam peringkat reka bentuk.

Beliau menjelaskan projek tebatan di anak Sungai Damansara siap pada 2026 manakala satu pada peringkat reka bentuk, pelantikan perunding (11) dan peringkat perangangan (5).

Menurutnya, dana RM9.15 juta melibatkan Lembangan Sungai Klang dan Lembangan Sungai Langat (RM7.35 juta) selain Lembangan Sungai Buloh, Sungai Selangor, Sungai Bernam dan Kapar Besar.

"Keutamaan kita ialah mempercepat kerja yang sudah sedia dilaksanakan dan menyelesaikan urusan tanah serta penyelarasan lebih awal bagi projek yang bakal menyusul," katanya.

Amirudin menjelaskan sistem tebatan hanya berfungsi dengan baik jika saliran setempat berupaya membawa aliran air ke sungai yang mempunyai kapasiti untuk menampungnya.

Katanya, RM19.38 juta diperuntuk kepada 25 projek sistem saliran, 16 projek pembangunan dan pengurusan lembangan sungai (RM17.90 juta) dan sembilan projek mesra alam (RM6.63 juta).

Dalam projek mitigasi bawah Gerbang Maritim Selangor, Amirudin berkata kemajuan projek meningkatkan kapasiti sungai dan memperbaiki aliran air mencapai 71.43 peratus melalui dana RM25 juta.

Katanya, Kerajaan Negeri turut memperbaiki sistem penyampaian amaran bencana semua peringkat melalui Program Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti serta latihan di sekolah.

"Kita mahu penduduk tahu ke mana mereka perlu pergi, siapa yang perlu dihubungi dan bagaimana membantu mereka yang memerlukan sokongan untuk berpindah.

"Kayu ukur keberkesanan sistem amaran ini sudah tentu masa yang ada untuk penduduk bertindak selepas maklumat sampai kepada mereka," kata Amirudin lagi.

Jangka panjang

Menurut Amirudin lagi, sebanyak 354 kawasan berisiko banjir dikenal pasti dalam RS-2 yang akan disusun mengikut tahap risiko bagi menentukan keutamaan pelaksanaan projek mitigasi.

Beliau berkata pendekatan Pelan Mitigasi Banjir Selangor itu mengambil kira risiko di setiap lembangan sungai, keberkesanan projek dan penyelarasan kerja antara negeri dan persekutuan.

Katanya, Pelan Induk Saliran Mesra Alam di Hulu Langat akan menyelaraskan pembangunan dengan kapasiti saliran manakala di Klang, kolam takungan banjir Sungai Jati bernilai RM26 juta pada peringkat reka bentuk.

"Kolam itu dirancang untuk menampung sebahagian aliran ketika hujan lebat dan mengurangkan tekanan terhadap sistem saliran di hilir. Kedua-dua inisiatif menunjukkan mengapa ruang untuk air perlu dirancang sebelum pembangunan di sekelilingnya dimuktamad," katanya.

Menurutnya, Sistem Pengurusan Data Iklim Bersepadu akan menyatukan maklumat hidrologi, bencana dan geospatial untuk membantu agensi berkaitan membuat keputusan lebih tepat.

"Maklumat yang membantu kita mengeluarkan amaran banjir juga patut membantu pihak berkuasa tempatan menilai tapak pembangunan baharu, menentukan keperluan takungan dan mengenal pasti laluan air yang mesti dipelihara," katanya.

Pembangunan Sistem Saliran — RM19.38 juta



25 projek menaik taraf dan bina rangkaian sistem saliran bandar dan perumahan untuk alirkan limpahan air hujan lebat secara teratur

Perlindungan Zon Pesisir Pantai & Benteng Laut — RM6.45 juta



14 projek bagi membina dan menaik taraf benteng batu pemecah ombak bagi menahan hakisan dan ancaman air pasang besar di Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat dan Sepang

Saliran Mesra Alam — RM6.63 juta



9 projek penyelesaian saliran mampan berkonsep takungan semula jadi dan pengurusan larian air hujan secara mesra alam

Gerbang Maritim Selangor — RM25 juta



Kerja kerja mendalamkan, melebar dan mengukuhkan koridor Sungai Klang bagi melancarkan aliran air serta meningkatkan kapasiti tampungan hidrologi sungai

Rancangan Tebatan Banjir — RM36.45 juta

47 projek bawah seliaan Jabatan Perairan dan Saliran (JPS) meliputi 30 projek sambungan dan 17 projek baharu. Keutamaan di Lembangan Sungai Klang (RM9.15 juta) dan Lembangan Sungai Langat (RM7.35 juta).

Pembangunan & Pengurusan Lembangan Sungai — RM17.90 juta

16 projek pengurusan saluran sungai, pengukuhan hidrologi dan penstabilan tebing di lembangan sungai utama seluruh negeri

Kolam Takungan Banjir Sungai Jati di Klang — RM26 juta

Projek berskala besar bagi menampung larian air hujan lebat dan mengurangkan tekanan sistem saliran hilir pada peringkat reka bentuk

Projek Pembaharuan Kampung Fajar di Hulu Kelang — RM60 juta



Pembangunan semula tebing koridor Sungai Klang/Taman Melawati bersepadu tebatan banjir

"Kolam itu dirancang untuk menampung sebahagian aliran ketika hujan lebat dan mengurangkan tekanan terhadap sistem saliran di hilir. Kedua-dua inisiatif menunjukkan mengapa ruang untuk air perlu dirancang sebelum pembangunan di sekelilingnya dimuktamad"

Strategi tangani banjir

Dalam karya berjudul King Lear, William Shakespeare mengisahkan watak seorang raja menghadapi badai. Tatkala dipukul badai, Lear mula teringat tentang orang lain yang terpaksa menghadapi kuasa alam tanpa tempat berlindung yang selamat dan mewah seperti yang dinikmatinya.

Detik ini penting kerana Lear akhirnya bertanya bagaimana orang lain menanggung badai itu. Kita pun patut bertanya soalan sama sewaktu hujan mencurah di Selangor.

Siapa yang boleh tidur dengan lena? Siapa yang perlu berjaga untuk melihat apakah air sudah naik ke muka pintu? Dan selepas air surut, siapa yang mempunyai simpanan untuk membaiki rumah, menggantikan peralatan kerja, dan kembali menjalankan perniagaan?

Sebahagian jawapan kepada semua pertanyaan ini patut difikirkan jauh sebelum berlaku fenomena monsun atau hujan lebat yang sedang kita hadapi ini.

Jawapan itu perlu direnung ketika kita memilih tapak perumahan, meluluskan pembangunan di hulu sungai dan menetapkan jadual penyelenggaraan pam, saliran, perparitan dan benteng. Kerana di kawasan pesat membangun, tentu pertambahan permukaan berturap meningkatkan jumlah dan kelajuan air memasuki sungai.

Apabila iklim berubah lebih pantas daripada perancangan, tentu sistem perlindungan yang kita bina berpandu andaian lama akan hilang keupayaan dan keberkesanannya. Maka, alam semula jadi menghukum kita lebih cepat daripada jangkaan.

Oleh sebab itu, kita tidak boleh meneruskan cara kerja seperti biasa. Jikalau rancangan reka bentuk diluluskan, agensi pelaksana perlu tangkas mengenal pasti apakah yang menghalang permulaan kerja di tapak.

Jikalau tanah atau tapak belum siap sedia, masalah tersebut perlu dikenal pasti dan diselesaikan lebih awal ketika rancangan reka bentuk sedang disiapkan.

Jikalau amaran bencana dikeluarkan, kita perlu pastikan berapa cepat ia akan sampai kepada penduduk dan apakah tindakan yang boleh diambil. Ketangkasan bermaksud kepantasan mengenal pasti risiko dan menggerakkan perlindungan kepada rakyat.

Demi mempercepat pelaksanaan projek mitigasi dan tebatan banjir, Selangor mengenal pasti 56 projek untuk tahun depan. Dengan memulakan reka bentuk lebih awal, kita boleh mengenal pasti keperluan tanah, utiliti dan kelulusan teknikal sebelum kontrak pembinaan ditawarkan.

Apabila melantik kontraktor, skop kerja dan keperluan tapak lebih jelas. Dengan itu, tempoh selepas kontrak

"Apabila iklim berubah lebih pantas daripada perancangan, tentu sistem perlindungan yang kita bina berpandu andaian lama akan hilang keupayaan dan keberkesanannya. Maka, alam semula jadi menghukum kita lebih cepat daripada jangkaan."

dianugerah dapat digunakan untuk menggerakkan kerja di tapak.

Selangor juga akan menyediakan laluan hijau bagi kelulusan projek mitigasi banjir. Saya mahu Jabatan Kerja Raya, pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Pengairan dan Saliran memberi keutamaan kepada projek yang menyelesaikan masalah banjir, daripada pembentung dan saliran di bawah seliaan pihak berkuasa tempatan hingga jambatan dan kerja tebatan sungai.

Semakan teknikal yang boleh berjalan serentak hendaklah dimulakan bersama. Jika satu keputusan melibatkan beberapa agensi, isu itu perlu dibawa lebih awal kepada pihak yang boleh menyelesaikannya. Setiap projek tetap perlu memenuhi syarat keselamatan, alam sekitar dan tatacara perolehan.

Pengalaman Belanda memberi pedoman tentang apa yang harus dipercepat. Antara inisiatif mereka, menggabungkan benteng dan struktur kawalan air dengan perancangan yang memberi ruang kepada sungai untuk melimpah dengan lebih selamat.

Di Selangor, kita boleh bermula pada peringkat reka bentuk. Sebelum kerja ditender, kita perlu menilai bagaimana benteng, kolam takungan dan ruang limpahan sungai boleh berfungsi bersama serta apa kesannya kepada kawasan di hilir. Dengan penilaian dibuat lebih awal, kita boleh mempercepat perolehan bagi penyelesaian sesuai dengan keadaan sebenar di tapak .

Rakyat juga mesti dapat melihat kemajuan kerja. Selangor akan menyediakan papan pemuka awam (dashboard) yang menunjukkan lokasi projek, agensi pelaksana dan pemakluman berkenaan fasa pelaksanaan, daripada pelantikan perunding reka bentuk hingga pelantikan kontraktor dan kemajuan kerja di tapak.

Sebelum musim tengkujuh, kerajaan akan mengemas kini status lokasi berisiko dan menyatakan projek berkaitan, pelantikan yang dibuat serta kerja yang dijangka sempat dilaksanakan. Dengan itu, penduduk boleh mengetahui tahap perlindungan di kawasan mereka menjelang musim hujan dan merujuk terus kepada agensi bertanggungjawab.

Laporan Adaptation Gap Report 2025 yang diterbitkan Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menunjukkan kemajuan pelaksanaan rancangan adaptasi perubahan iklim masih dirintangi jurang besar dalam pembiayaan dan pelaksanaan program.

Bank Dunia pula, dalam kajian Jobs in a Changing Climate, mengaitkan kepentingan pelaburan dalam daya tahan iklim dengan keupayaan kerajaan melindungi pekerjaan dan mengurangkan kerugian ekonomi.

Sesungguhnya kita boleh melihat perkaitan ini dengan jelas di Selangor. Tatkala jalan tersekat, pekerja kerugian masa dan kehilangan pendapatan. Ketika premis perniagaan tenggelam air, pemiliknya menanggung kerugian stok dan beban kos untuk menjalankan semula perniagaan. Tatkala bekalan air terputus, isi rumah dan industri sama-sama menanggung akibatnya.

Berpandu data Jabatan Perangkaan Malaysia menerusi Laporan Impak Khas Banjir 2021, kita melihat betapa besar kerugian tersebut di Selangor. Bencana banjir pada hujung 2021 dan awal 2022 menyebabkan kerugian sekitar RM3.1 bilion, membabitkan kerosakan kediaman, kenderaan, premis perniagaan dan pembuatan.

Klang merekod kerugian sekitar RM1.2 bilion, Petaling (RM1.1 bilion) dan Hulu Langat (RM400 juta). Kerugian membabitkan premis perniagaan mencecah RM396.4 juta, sementara sektor pembuatan pula mencatat kerugian RM884.5 juta.

Pada 2025, Jabatan Perangkaan merekod RM52.9 juta kerugian akibat banjir di Selangor. Perangkaan 2021 memberi kita gambaran skala kerugian ketika banjir besar. Perangkaan 2025 pula menunjukkan kerugian terus ditanggung pada tahun-tahun berikutnya. Kedua-dua perangkaan berdasarkan penilaian banjir dengan skop masing-masing. Ia mengukur kerugian akibat kejadian yang direkod.

Namun, anggaran kerugian sebenar yang berpunca daripada perubahan iklim menuntut kajian dan analisis tersendiri. Tetapi angka kerosakan ini cukup memberi gambaran jelas tentang kemusnahan. Demi memahami sepenuhnya kesan bencana terhadap pendapatan, kita perlu mengetahui berapa lama masa yang diambil keluarga dan perusahaan untuk kembali bekerja dan beroperasi.

Rakyat terpaksa menanggung kesan ekonomi berterusan selepas air surut. Peniaga menanggung kerugian menggantikan stok dan kehilangan jualan sepanjang kedai ditutup. Pekerja yang mendapat upah mengikut hari hilang pendapatan apabila tempat kerja tidak beroperasi. Kilang pula terjejas akibat mesin rosak, pengeluaran terhenti dan kelewatan penghantaran kepada pelanggan.

Maka, dalam menilai sesuatu peruntukan, kita mesti mengambil kira kos yang ditanggung rakyat akibat tindakan dan pelaksanaan tertangguh. Sebuah projek tebatan banjir tidak hanya melindungi kediaman dan premis perniagaan, tetapi melindungi laluan ke sekolah, kelangsungan pekerjaan dan keupayaan sesebuah kawasan untuk terus menarik pelaburan. Itulah sebabnya daya tahan iklim sepatutnya menjadi pertimbangan utama dalam setiap keputusan pembangunan dan ekonomi negeri.

Waad (ikrar) kerajaan kepada rakyat mesti terzahir dalam cara kita menentukan keutamaan sewaktu membuat keputusan. Dalam menghadapi perubahan iklim, waad menuntut kita mendahulukan kawasan paling berisiko, menerangkan asbab keputusan dan menetapkan jadual pelaksanaan untuk rujukan rakyat.

Justeru, belanjawan ini berikrar untuk melunaskan waad tersebut menerusi dua pendekatan: pertama, pendekatan serta-merta, kedua, pendekatan jangka panjang.

Pada 2027, kita mesti tangkas menyiapkan segala kerja yang berupaya mengurangkan risiko perubahan iklim pada waktu ini. Menerusi Rancangan Selangor Kedua (RS-2) pula, kita mesti merekayasa semula atau reengineering, cara negeri bekerja agar segala projek pembangunan baharu berupaya mengurangkan risiko perubahan iklim pada masa depan.

"Pada 2027, kita mesti tangkas menyiapkan segala kerja yang berupaya mengurangkan risiko perubahan iklim pada waktu ini. Menerusi Rancangan Selangor Kedua (RS-2) pula, kita mesti merekayasa semula atau reengineering, cara negeri bekerja agar segala projek pembangunan baharu berupaya mengurangkan risiko perubahan iklim pada masa depan."

Petikan ucapan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari semasa membentang Belanjawan Selangor 2027

BELANJAWAN KITASELANGOR 2027

Negeri Progresif, Institusi Dijunjung, Rakyat Disantuni

PERUNTUKAN 2027
RM3.3 BILION

RM1.9 BILION
PERBELANJAAN MENGURUS



RM1.4 BILION
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

- SOSIAL **RM349.7 JUTA**
- PEMBANGUNAN PRASARANA/INFRASTRUKTUR **RM503.1 JUTA**

TONGGAK PERTAMA
KETANGKASAN MENANGANI PERUBAHAN IKLIM DAN MEREKAYASA PEMBANGUNAN PRASARANA

- PROJEK TEBATAN BANJIR DI BAWAH JPS — RM36.45 JUTA
- LEMBANGAN SUNGAI KLANG — RM9.15 JUTA
- LEMBANGAN SUNGAI LANGAT — RM7.35 JUTA
- PROJEK SISTEM SALIRAN — RM19.38 JUTA
- PROJEK PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI — RM17.9 JUTA
- PROJEK SALIRAN MESRA ALAM — RM6.63 JUTA
- PROJEK MITIGASI BANJIR DI BAWAH SELANGOR MARITIME GATEWAY (SMG ZPE) — RM25 JUTA
- KOLAM TAKUNGAN BANJIR SUNGAI JATI, KLANG — RM26 JUTA
- KETERJAMINAN BEKALAN AIR — RM101 JUTA
- SKIM SELANGOR OFF RIVER STORAGE — RM1 JUTA
- SISTEM PENSAMPELAN AUTOMATIK AIR MENTAH — RM150 RIBU
- KAJIAN PELAN INDUK AIR NEGERI SELANGOR — RM3.5 JUTA
- PROJEK PEMBANGUNAN PANTAI — RM6.45 JUTA
- PROJEK KREDIT KARBON DAN KREDIT BIODIVERSITI — RM2 JUTA
- PEMBANGUNAN PRASARANA — RM503.1 JUTA
- SKIM LABOHAN DAGANG FASA DUA (PROJEK TEMPOH 2027-2029) — RM479 JUTA
- PROGRAM PENURUNAN KADAR AIR TIDAK TERHASIL (NRW) — RM120.8 JUTA
- PROGRAM PENGGANTIAN PAIP — RM559 JUTA
- PROGRAM PEMULIHAN DAN PEMBAIKAN LOJI RAWATAN AIR (SJAM) — RM75 JUTA
- PROGRAM PEMULIHAN DAN PEMBAIKAN LOJI RAWATAN AIR (LUAS) — RM68.2 JUTA
- KETERHUBUNGAN GRID AIR — RM209.2 JUTA
- INSENTIF KEDIAMAN MESRA ALAM SEKITAR — RM5.5 JUTA
- LOJI SISA TENAGA YANG KETIGA (WTE 3), TANJUNG DUA BELAS — RM250 JUTA

TONGGAK KEDUA
MEMARTABAT KESEJAHTERAAN RAKYAT

- PENGANGKUTAN AWAM — RM24 JUTA
- BAS KITA SELANGOR — RM12 JUTA
- SKIM CERIA — RM10 JUTA
- PROGRAM REWANG KOMUNITI STRATA — RM2 JUTA
- PUSAT PENJAGAAN WARGA EMAS SELANGOR — RM500 RIBU
- ELAUN GURU KAFA — RM14 JUTA
- PROGRAM SEL 30 — RM5 JUTA
- SELANGOR MOBILITY NEXUS — RM1.5 JUTA
- PROGRAM KEHIDUPAN BANDAR KOMUNITI SEJAHTERA — RM1 JUTA
- PROGRAM BAIK PULIH DAN IHSAN KEDIAMAN (BAIK) — RM10 JUTA
- INISIATIF PAJSK SEKOLAH AGAMA SELANGOR — RM1.4 JUTA
- TAJAAN PENUH JEMAAH HAJI SELANGOR — RM1.2 JUTA
- KESIHATAN AWAM — RM38 JUTA
- PROGRAM ILTIZAM SELANGOR SIHAT (ISS) — RM20 JUTA
- BANTUAN RUMAH KITA SELANGOR (TERMASUK MASYARAKAT ORANG ASLI) — RM4 JUTA
- PEMBAHARUAN KAMPUNG FAJAR — RM60 JUTA
- INSENTIF MUASSASAH HAJI — RM6 JUTA
- NAIK TARAF MASJID KOMPLEKS WIRA DAMAI GOMBAK — RM462 RIBU
- PROGRAM ILTIZAM SELANGOR SIHAT PENJAWAT AWAM (ISSPA) — RM1 JUTA
- PROGRAM BANTUAN SIHAT SELANGOR (BSS) — RM5 JUTA
- SKIM AIR DARUL EHSAN (SADE) — RM20 JUTA
- BANTUAN KEHIDUPAN SEJAHTERA SELANGOR (BINGKAS) — RM100 JUTA
- INISIATIF SEKOLAH AGAMA SELAMAT — PEMASANGAN CCTV — RM500 RIBU
- BAIK PULIH SEKOLAH KAFA (KAFAI) — RM2 JUTA
- SKIM RAWATAN JANTUNG — RM5 JUTA
- PROGRAM SELANGOR SARING (TERMASUK SARINGAN KANSER) — RM2.2 JUTA
- IMPAK SELANGOR — RM2 JUTA
- MAMA KERJA — RM5 JUTA
- PENGHARGAAN KHAS KEPADA TIGA SASTERAWAN NEGARA — RM30 RIBU SEORANG
- GERAN KEBUDAYAAN NEGERI SELANGOR — RM1 JUTA
- PROGRAM RAWATAN PENYAKIT TIBI — RM1 JUTA
- PROGRAM AMBULANS KITA SELANGOR (AKS) — RM1 JUTA
- BANTUAN PERALATAN PENJAGAAN — RM500 RIBU
- PEMERKASAAN KOMPETENSI PENJAGA TIDAK FORMAL — RM500 RIBU
- INISIATIF ADAT MELAYU DAN WARISAN — RM3.5 JUTA
- MUZIUM SETEM NEGERI SELANGOR — RM3.7 JUTA
- DANA STRATA SELANGOR (DSS) — RM5 JUTA
- SKIM SMART SEWA — RM62.1 JUTA
- TASKA (TEMPAT KERJA DAN PUSAT JAGAAN WARGA EMAS) — RM5 JUTA
- SELANGOR CARE NAVIGATOR — RM1 JUTA
- MUZIUM TEKSTIL NEGERI SELANGOR — RM3 JUTA

TONGGAK KETIGA
KECERDASAN BUATAN DAN EKONOMI NEGERI SELANGOR

- AI UNTUK RAKYAT — RM12 JUTA
- NATIONAL STRATEGIC INVESTMENT FUND — RM50 JUTA
- MALAYSIA SEMICONDUCTOR IC DESIGN PARK — RM8.75 JUTA
- PROGRAM BIASISWA PASSING THE TORCH OF CHIPS — RM300 RIBU
- DRONEPORT-1000 — RM1 JUTA
- SELANGOR AVIATION SHOW 2027 — RM8 JUTA
- PELAN INDUK RANGKAIAN GENTIAN OPTIK NEGERI SELANGOR — RM4 JUTA
- PERLUASAN SEKTOR PELANCONGAN — RM8 JUTA
- PENINGKATAN KEMAHIRAN PEKERJA GIG / BAUCAR KITA SELANGOR GIG — RM10 JUTA

TONGGAK KEEMPAT
MEMPERKASA PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT, MEMBINA GENERASI PROGRESIF

- PROGRAM NUTRISI SELANGOR (NUTRISEL) — RM24 JUTA
- ILTIZAM ANAK SELANGOR — RM3 JUTA
- TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR (TAWAS) — RM32.23 JUTA
- SKIM BANTUAN TADIKA SELANGOR (TUNAS) — RM2 JUTA
- BANTUAN PIBG KITA SELANGOR — RM1 JUTA
- PEMANTAPAN PRASARANA SEKOLAH NEGERI SELANGOR — RM30 JUTA
- PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS) DAN PROGRAM DIDIK KASIH — RM13 JUTA
- BAUCAR BUKU KITA SELANGOR — RM400 RIBU
- HADIAH PENGAJIAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (HPIPT) — RM5 JUTA
- HADIAH PENGAJIAN ANAK SELANGOR TIMUR TENGAH — RM3 JUTA
- TABUNG KUMPULAN WANG BIASISWA NEGERI SELANGOR DAN SELANGOR BITARA — RM15 JUTA
- GERAN PENYELIDIKAN NEGERI SELANGOR — RM1 JUTA
- SELANGOR PROGRAMME FOR ASPIRING, READY AND KNOWLEDGEABLE TALENT (SPARK) — RM1.5 JUTA
- PENINGKATAN KEPAKARAN INDUSTRI AEROANGKASA — RM150 RIBU
- PROGRAM LANGUAGE DISCOVERY / KELAS BAHASA KETIGA PERCUMA — RM500 RIBU
- LAPTOP KITA SELANGOR — RM16.8 JUTA

TONGGAK KELIMA
PEMANTAPAN KHIDMAT RAKYAT

- SASARAN 5,000 KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) MENJELANG TAHUN 2030 — RM2.5 JUTA
- PROJEK KITA SELANGOR PENYAYANG — RM20 JUTA
- PENYELENGGARAAN ASET KERAJAAN — RM9 JUTA
- INDEKS KEHIDUPAN BERMARUAH — RM1 JUTA

Baucar RM1,200 dan latihan untuk pekerja p-hailing

SERAMAI 5,000 pekerja p-hailing anak negeri berpeluang menerima baucar bernilai RM100 sebulan atau RM1,200 setahun melalui program Baucar Kita Selangor Gig bagi meringankan beban mereka.

Menurut Dato' Menteri Besar, baucar berkenaan disekali dengan program latihan pendedahan teknologi dan peluang industri baharu untuk mereka diceburi melalui modul latihan ekspres.

Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu program tersebut akan dilaksanakan Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC) membabitkan kos sebanyak RM10 juta termasuk latihan.

Katanya, peranan pekerja p-hailing penting dalam sektor logistik meski mereka terpaksa menempuh panas dan hujan serta terdedah risiko hilang pendapatan jika sakit atau terlibat nahas.

"Walaupun hasrat awal industri gig hanyalah untuk menyediakan peluang pekerjaan sementara, namun kita sedar masih ramai penunggang p-hailing yang menghadapi kesukaran mencari pekerjaan tetap lantaran kemahiran yang dimiliki tidak sepadan dengan keperluan pekerjaan," katanya.

Tahun ini, pekerja p-hailing di Selangor menikmati ruang rehat khusus menerusi Pusat TEDUH (Tempat Elok Dikhaskan Untuk Hentian) meliputi semua 12 pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sebelum ini, golongan itu sentiasa mendapat perhatian Kerajaan Selangor. Menerusi Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) yang dilancarkan pada Ogos 2020, subsidi lesen motosikal untuk menyertai perkhidmatan penghantaran serta caruman PERKESO diberi.

Pada 2022 dan 2023, seramai 5,469 pekerja sektor itu menerima subsidi RM500, bantuan caruman perlindungan sosial. Keseluruhannya, kira-kira 9,000 penggiat p-hailing mendapat manfaat itu.

Melalui Bike Care-1,000 pada 2022 dan 2023, seramai 100 individu termasuk yang hilang pekerjaan diberi pendahuluan RM1,000 bagi membeli motosikal untuk menyertai sektor gig.

14,490 guru KAFA nikmati elaun RM1,700

SERAMAI 14,490 guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) menikmati tambahan RM200 menjadikan nilai elaun bulanan naik daripada RM1,500 kepada RM1,700 mulai Januari tahun depan.

Menurut Dato' Menteri Besar, inisiatif itu langkah awal bagi menyelaras kebajikan pendidik agama selain menghargai peranan mereka mendidik lebih 100,000 murid di seluruh negeri.

"Kerajaan Negeri sentiasa mengiktiraf jasa dan pengorbanan guru-guru KAFA sebagai tunjang utama dalam membentuk generasi yang berilmu, beriman dan berakhlak mulia.

"Kebajikan serta kesejahteraan golongan pendidik agama perlu terus diberikan keutamaan, khususnya dalam mendepani peningkatan kos sara hidup," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Katanya, kenaikan elaun melibatkan guru KAFA lantikan negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) melibatkan tambahan perbelanjaan RM14 juta.

Amirudin memberitahu pihaknya merancang menaikkan elaun guru KAFA lantikan negeri dan Jakim kepada RM2,000 selaras kadar gaji minimum persekutuan baharu yang berkuat kuasa Jun 2027.

Beliau menjelaskan kajian akan dibuat pada bulan berkenaan, seiring pengumuman Putrajaya yang menaikkan kadar gaji minimum daripada RM1,700 kepada RM2,000 sebulan.

"Gaji guru JAIS atau KAFA akan ditingkat menjadi RM1,700 mulai Januari tetapi pada Jun, kita akan kaji untuk naikkan selaras langkah persekutuan yang menaikkan hingga RM2,000," katanya.



Keselamatan pelajar agama

Amirudin berkata pentadbiran negeri juga meluluskan pemasangan sistem kamera litar tertutup (CCTV) bersepadu meliputi semua 551 sekolah kelolaan JAIS demi menjamin keselamatan pelajar.

Beliau berkata inisiatif yang menelan kos RM500,000 melalui peruntukan JAIS bagi memastikan suasana pembelajaran selamat, telus dan bebas ancaman pencerobohan mahupun gejala buli.

Selain itu, katanya, sebanyak 292 sekolah Sekolah KAFA Integrasi (KAFAI) yang uzur di seluruh negeri akan dibaik pulih melalui peruntukan RM2 juta melalui program Bantuan Khas Baik Pulih.

Menurut Amirudin, peruntukan RM1.425 juta disediakan untuk Program Peningkatan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) di sekolah-sekolah agama kendalian JAIS.

Beliau percaya program rintis itu bakal memberi manfaat kepada 164,215 murid sekolah rendah agama (SRA) dan sekolah rendah agama integrasi (SRAI) di seluruh negeri ini.

Katanya, bantuan kewangan akan disalur untuk kegiatan badan berseragam, persatuan dan kelab selain sukan termasuk pertandingan, latihan kepimpinan dan program pembangunan sahsiah.

Bantu asnaf tunai haji

Selain itu, Amirudin berkata inisiatif menghantar asnaf fakir miskin yang berhajat menunaikan Rukun Islam kelima akan diteruskan tahun depan melalui peruntukan RM1.2 juta.

Beliau memberitahu usaha sejak tahun 2022 itu bertujuan membantu golongan berpendapatan rendah untuk menunaikan ibadah berkenaan melalui program Tajaan Penuh Jemaah Haji Selangor.

Katanya, Insentif Muassasah Haji yang diadakan pada tahun sama juga diteruskan melalui pemberian RM1,500 kepada setiap jemaah haji menerusi peruntukan RM6 juta pada tahun depan.

Amirudin yang juga Ahli Parlimen Gombak memaklumkan masjid dalam Kompleks Islam Wira Damai, Gombak akan dinaik taraf sebagai masjid pengurusan melalui peruntukan RM462,000 tahun depan.

Katanya, langkah dapat meningkatkan tadbir urus masjid supaya lebih sistematik, berstruktur dan profesional bagi menampung keperluan kariah yang kian meningkat di kawasan kompleks itu.

Peluang pengasuh dapat geran RM2,000

SERAMAI 200 pengasuh berpeluang menerima geran khas RM2,000 sebagai bantuan awal mendaftar perniagaan melalui Iltizam Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (IMPAK) Selangor.

Menurut Dato' Menteri Besar, usaha itu juga membantu kelompok berkenaan menjana pendapatan lebih wajar selain menawar perkhidmatan penjagaan pada kos berpatutan dalam masyarakat.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata bantuan dari dana RM2 juta itu dijalankan supaya mereka beroperasi sebagai perniagaan sah sekali gus menjamin keselamatan kanak-kanak dan warga emas.

Beliau memberitahu peranan pengasuh penting ekoran Selangor menuju status negeri menua dengan sekurang-kurangnya 20 peratus penduduk terdiri kalangan warga emas berusia lebih 60 tahun.



"Tetapi pada masa sama, kita masih mempunyai jumlah golongan muda yang ramai hasil daripada penghijrahan penduduk dari negeri lain ke Selangor," katanya.

Katanya, lebih ramai individu yang mahir menjaga anak-anak dan warga emas diperlukan bagi mengelakkan orang ramai terpaksa menghantar anak atau ibu bapa ke pusat penjagaan yang mahal.

"Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) telah mengenal pasti 2,200 pengasuh tidak formal, dengan 1,000 pengasuh menjalani latihan Kursus Intensif Perkembangan Kanak-Kanak," katanya.

Amirudin memberitahu Selangor muncul negeri pertama yang mempertanggungjawab Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk meneliti aspek penjagaan sebagai peluang ekonomi baharu.

IMPAK Selangor yang dilancar sejak 2024 menawarkan latihan atau kursus penjagaan kanak-kanak dengan memberi tumpuan kepada pengasuh yang ada anak asuhan tidak melebihi empat orang.

Program itu memanfaat pengasuh di rumah yang tidak berdaftar. Menerusi inisiatif berkenaan, golongan tersebut dibantu melalui penyertaan kursus yang menawarkan kemahiran profesional.

Menurut Amirudin, Kerajaan Negeri juga memperuntuk RM500,000 tahun depan bagi meneruskan Program Pemerkasaan Kompetensi Penjaga Tidak Formal Negeri Selangor yang bermula tahun ini.

Katanya, kursus berkaitan penjagaan dan sokongan yuran disediakan melalui kerjasama institusi pengajian bagi membangunkan kapasiti penjaga melalui latihan dan peningkatan kemahiran.

"Kualiti penjagaan seseorang individu tidak hanya bergantung pada kemudahan dan peralatan yang disediakan, malah turut dipengaruhi oleh tahap pengetahuan, kemahiran dan keupayaan individu yang melaksanakan tanggungjawab penjagaan," katanya.

Selangor juga memperuntuk RM500,000 bagi membangunkan Pusat Penjagaan Selangor berasaskan model Blok Penjagaan yang menghimpun kemudahan dan perkhidmatan dalam ekosistem tersusun.

Pusat itu bukan hanya memberi tumpuan kepada keperluan individu yang memerlukan penjagaan, sebaliknya sistem sokongan kepada keluarga dan penjaga melalui pelbagai bentuk bantuan.

Amirudin juga memberitahu Kerajaan Selangor meningkatkan peruntukan bantuan peralatan untuk orang kurang upaya (OKU), warga emas dan penjagaan ahli keluarga yang uzur pada tahun depan.

Beliau menjelaskan peruntukan Bantuan Peralatan Penjagaan Negeri Selangor itu yang diperkenal pada tahun lalu dinaikkan daripada RM350,000 kepada RM500,000 manfaat lebih ramai keluarga.

Katanya, seramai 150 penerima memperoleh manfaat sehingga RM2,000 seorang tahun lalu bagi membantu keluarga atau penjaga memperoleh peralatan untuk keperluan penjagaan di rumah.

Pada masa sama, jaringan keselamatan sosial dalam sektor kesihatan awam diperkukuh melalui peruntukan RM38 juta bagi mengadakan pelbagai inisiatif langsung kepada orang ramai.

Program yang diteruskan itu antaranya, Iltizam Selangor Sihat (ISS) yang menerima dana RM20 juta, Iltizam Selangor Sihat Penjawat Awam (RM1 juta) dan Bantuan Sihat Selangor (RM5 juta).

Selain itu, Skim Rawatan Jantung (RM5 juta), Selangor Saring termasuk pemeriksaan barah (RM2.2 juta), Rawatan Penyakit Tibi (RM1 juta), Ambulans Kita Selangor (RM1 juta).

Bantuan bulanan untuk 10,000 golongan rentan

SERAMAI 10,000 golongan rentan bakal menikmati bantuan bulanan RM150 melalui Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) pada tahun depan.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu peruntukan RM100 juta disediakan bagi meneruskan pelaksanaan BINGKAS yang menyasarkan 30,000 keluarga menerima manfaat itu.

Beliau menjelaskan BINGKAS diperuntuk kepada keluarga berpendapatan rendah yang memiliki sekurang-kurangnya dua anak berumur bawah 18 tahun untuk menerima bantuan RM300 sebulan.

"Di bawah pendekatan baharu ini, manfaat BINGKAS akan memberi manfaat kepada keluarga yang mempunyai tanggungan kanak-kanak serta individu rentan," katanya.

Menurut Amirudin, bantuan itu juga ditambah baik melalui penggunaan MyKad sebagai medium transaksi secara berfasa sekali gus mengurangkan kebergantungan kaedah berasaskan e-dompet.

Beliau menjelaskan BINGKAS antara inisiatif utama dalam menyediakan sokongan secara bersasar kepada keluarga berpendapatan rendah bagi menangani kenaikan kos sara hidup.

"Pendekatan ini langkah ke arah memastikan bantuan sosial bukan sekadar berfungsi sebagai jaringan keselamatan, malah pemangkin kepada peningkatan daya tahan dan mobiliti sosial keluarga," katanya.

BINGKAS antara 46 inisiatif bawah Iltizam Selangor Penyayang yang diperkenal pada tahun 2022 bagi menggantikan skim Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dan KISS IT (ibu tunggal).

Tahun lalu, syarat kelayakan diperluas kepada isi rumah berpendapatan bawah RM5,000 sebulan berbanding had RM3,000, sekali gus melayakkan lebih ramai penduduk menerima sumbangan itu.

Amirudin juga memberitahu Kerajaan Selangor meningkatkan peruntukan bantuan peralatan untuk orang kurang upaya (OKU), warga emas dan penjagaan ahli keluarga yang uzur pada tahun depan.

"Pendekatan ini langkah ke arah memastikan bantuan sosial bukan sekadar berfungsi sebagai jaringan keselamatan, malah pemangkin kepada peningkatan daya tahan dan mobiliti sosial keluarga"

Beliau menjelaskan peruntukan Bantuan Peralatan Penjagaan Negeri Selangor itu yang diperkenal pada tahun lalu dinaikkan daripada RM350,000 kepada RM500,000 manfaat lebih ramai keluarga.

Katanya, seramai 150 penerima memperoleh manfaat sehingga RM2,000 seorang tahun lalu bagi membantu keluarga atau penjaga memperoleh peralatan untuk keperluan penjagaan di rumah.

Sarapan percuma diteruskan mulai April

KERAJAAN Negeri meneruskan program Nutrisi Selangor (NutriSEL) yang menyediakan sarapan atau makan tengah hari percuma kepada 100,000 pelajar peringkat rendah dan menengah di negeri ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu NutriSEL dijadual bermula pada April tahun depan sebanyak dua kali seminggu membabitkan anggaran kos sebanyak RM24 juta.

Katanya, program itu diteruskan ekoran sambutan baik ibu bapa hasil peruntukan kolektif pihak berkuasa tempatan dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri.



"(Ini) bagi mengelakkan anak-anak Selangor daripada terkesan dengan cabaran malnutrisi sekali gus membangunkan generasi yang lebih sihat dan cergas," kata beliau.

Sebelum ini, NutriSEL berlangsung tiga bulan mulai Ogos kepada sekitar 104,000 pelajar dari kalangan golongan berpendapatan isi rumah bawah RM2,000 meliputi 930 sekolah di Selangor.

Program berkenaan kemudian diperluas kepada kira-kira 900,000 pelajar pada pertengahan Oktober diikuti inisiatif sama kepada kira-kira 70,000 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Amirudin juga memaklumkan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) menerima peruntukan RM1 juta bagi menjalankan kegiatan yang berupaya memupuk kesedaran perihal isu keselamatan di sekolah.

Dana PIBG

Beliau menjelaskan ia ekoran beberapa kejadian di sekolah yang mengundang keresahan ibu bapa, guru dan pelajar berkaitan tahap keselamatan di sekolah, justeru perlu ditangani segera.

"Situasi ini mampu menjadi lebih parah. Sebagai sebuah masyarakat, kita perlu mengakui anak-anak di sekolah tidak boleh dibiar tanpa bimbingan dan perlindungan lebih proaktif," katanya.

Menurut Amirudin, peruntukan RM30 juta diteruskan pada tahun depan bagi memastikan prasarana di sekolah di negeri ini lengkap sekali gus mewujudkan persekitaran lebih selesa.

Katanya, lebih 800 sekolah melaksanakan kerja menaik taraf antaranya kemudahan dewan, sukan, dan kemudahan lain untuk manfaat pelajar dan guru sepanjang tahun ini menerusi bantuan itu.

Selain itu, peruntukan RM13 juta disediakan bagi meneruskan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) dan Didik Kasih bagi memastikan tahap akademik anak-anak negeri terus dipertingkat.

Amirudin menjelaskan Kerajaan Negeri menyediakan dana sebanyak RM6 juta manakala baki RM7 juta ditampung Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

Katanya, PTRS sejak mula diperkenal memberi manfaat kelas tuisyen percuma kepada 160,000 pelajar tingkatan empat dan lima meliputi 272 sekolah menengah di seluruh negeri tahun ini.

"Bagi mengukuhkan lagi PTRS, subjek matematik akan diperluas kepada pelajar tingkatan tiga," katanya yang memaklumkan modul latihan soalan interaktif dan sistem pelaporan disediakan.

Melalui program Didik Kasih pula, beliau memberitahu seramai 20,000 murid dari 663 sekolah yang memerlukan pemulihan dibantu bagi mengelakkan mereka tercicir dalam pembelajaran.

Mahasiswa dapat RM1,000

Selain itu, seramai 5,000 mahasiswa yang menerima tawaran ke universiti awam atau swasta bakal menerima bantuan RM1,000 melalui Hadiah Pengajian Institut Pengajian Tinggi (HPIPT).

Menurut Amirudin, bilangan penerima inisiatif berkenaan hasil peruntukan RM5 juta meningkat berbanding 3,000 orang yang menikmati manfaat sama pada tahun ini.

Bagi yang melanjut pengajian ke Timur Tengah, beliau berkata peruntukan RM3 juta diadakan dalam Hadiah Pengajian Anak Selangor Timur Tengah bagi mengurangkan beban sara hidup mereka.

Katanya, dana RM15 juta pula untuk pembiayaan pendidikan mahasiswa melalui Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor selain memperkenal Selangor BITARA melalui peruntukan RM1 juta.

Menurut Amirudin, program itu bagi mengenal pasti pelajar cemerlang sejak peringkat sekolah untuk diberi peluang menerima biasiswa sebelum menyumbang semula kepada pembangunan negeri.

Biasiswa Kita Selangor pula diteruskan kepada 500 penerima yang layak menerusi pembiayaan penuh sepanjang tempoh pengajian di universiti awam di seluruh negara.

8,400 komputer riba untuk anak muda

"Realitinya, seorang akan hanya mampu meneroka potensi sepenuhnya hanya dengan akses kepada kemudahan aplikasi perisian dan peranti digital seperti laptop. Tanpa adanya laptop, maka sukar untuk seorang anak muda membina keupayaan digital"

KERAJAAN Selangor menyediakan 150 unit komputer riba kepada generasi muda di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri tahun depan melalui peruntukan RM16.8 dalam program Laptop Kita Selangor.

Menurut Dato' Menteri Besar, 8,400 unit membabitkan anggaran kos RM2,000 seunit diperuntuk kepada anak negeri supaya mereka menikmati kemudahan dengan spesifikasi sewajarnya.

Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu kemudahan berkenaan dapat membina masyarakat yang celik digital seterusnya mereka berpeluang merebut peluang yang wujud hasil kemajuan teknologi.

"Realitinya, seorang akan hanya mampu meneroka potensi sepenuhnya hanya dengan akses kepada kemudahan aplikasi perisian dan peranti digital seperti komputer riba.

"Tanpa adanya komputer riba, maka sukar untuk seorang anak muda membina keupayaan digital," katanya.

Selain itu, beliau berkata seramai 200 mahasiswa anak negeri dan pelajar prauniversiti di kolej tingkatan enam akan menerima Baucar Buku Kita Selangor bernilai RM200.

Katanya, inisiatif yang diperkenal sejak tahun 2022 itu bertujuan membina masyarakat yang berkeyakinan dan berilmu melalui peruntukan RM400,000 dengan menekuni bahan bacaan bermutu.

"Kerajaan Negeri tidak ingin melihat cabaran kewangan menjadi penghalang kepada mahasiswa atau pelajar untuk menjadikan membaca sebagai budaya hidup mereka," kata Amirudin.

Turut menerima manfaat, mahasiswa Selangor yang menjalani latihan amali bersama agensi pentadbiran negeri, anak-anak syarikat dan pihak berkuasa tempatan di negeri ini.

Melalui program Bakat Beraspirasi, Bersedia dan Berpengetahuan (SPARKS), Amirudin berkata seramai 500 mahasiswa menikmati elaun lebih wajar tahun depan melalui peruntukan RM1.5 juta.

Katanya, Kerajaan Selangor berhasrat menyediakan elaun bulanan RM1,500 selama enam bulan kepada pelatih amali melalui SPARKS berbanding kebiasaan iaitu RM800 hingga RM900 sebulan.

Menurut Amirudin, Kerajaan Negeri buat julung kali mengadakan program pertukaran pelajar cemerlang ke Jepun yang memberi manfaat kepada sehingga 200 pelajar dari seluruh negeri.

"Agar mereka lebih terdedah kepada perbezaan dunia luar dan lebih yakin untuk bersaing serta bertukar pengalaman dengan masyarakat yang berbeza latar belakang," katanya lagi.

Bantuan baik pulih 1,000 rumah rosak

PROGRAM Bantuan Asas dan Ihsan Kediaman (BAIK Selangor) diperkenal tahun depan bagi membuat kerja membaik pulih asas kediaman golongan yang memerlukan dan kurang berkemampuan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu nilai bantuan antara RM5,000 hingga RM10,000 bagi setiap kediaman, tertakluk kepada tahap kerosakan dan keperluan sebenar.

Beliau berkata program tersebut memberi manfaat kepada 1,000 unit kediaman merangkumi kawasan bandar dan luar bandar dengan anggaran keperluan dana mencecah RM10 juta sebagai permulaan.

Yayasan Mesra Selangor (YMS) dicadang untuk menggerakkannya dengan kerjasama anak syarikat negeri, pemaju, sumbangan sektor korporat dan program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Pendekatan ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri untuk membangunkan ekosistem perumahan yang lebih menyeluruh, bukan sahaja melalui penyediaan rumah tetapi turut memastikan kediaman rakyat berada dalam keadaan selamat, selesa dan berdaya huni," katanya.

Peneroka, orang Asli

Amirudin berkata masyarakat orang Asli tidak ketinggalan menerima manfaat hasil peruntukan RM1 juta untuk membina baharu dan membaik pulih rumah daif dan tidak selamat dihuni.

Beliau menjelaskan peruntukan kepada kelompok tersebut bertujuan memastikan kehidupan mereka lebih selesa sekali gus tahap kesejahteraan hidup mereka bertambah baik.

Peruntukan berkenaan sebahagian RM3 juta yang disediakan untuk program Bantuan Rumah Kita Selangor yang menyasar golongan miskin dan kurang berkemampuan di kampung tradisi.

Selain itu, Amirudin berkata Selangor turut menyediakan 177 unit Rumah Selangorku bagi penempatan semula 177 isi rumah peneroka bandar Kampung Fajar di Hulu Kelang, Gombak.

Menurutnya, penempatan semula itu membuka peluang perniagaan dan pekerjaan manakala rancangan tebatan banjir bersepadu dapat banjir di Taman Melawati dan pesisir Sungai Klang.

Pembinaan projek keseluruhan dianggar RM72.05 juta itu dirancang antara Januari 2027 hingga Disember 2032. Peruntukan pembangunan RM60 juta dicadangkan untuk tahun depan.

Projek itu akan dijalankan Landasan Lumayan Sdn Bhd di sepanjang koridor Sungai Klang menggabungkan perumahan mampu milik, pembangunan ekonomi setempat dan pengurangan risiko banjir.

Tambah unit sewa

Bagi Skim Smart Sewa, Amirudin menjelaskan Kerajaan Selangor bercadang untuk menambah pembelian 200 unit baharu menggunakan peruntukan sedia ada berjumlah RM62.1 juta.

Peluang pemilikan rumah melalui Skim Selangorku To Ownership (S2-OWN) yang berkonsep sewa untuk memiliki diperluas kepada golongan yang sukar memperoleh pembiayaan perumahan.

Sebagai pelaksanaan perintis, beliau memberitahu S2-OWN disasar melibatkan 44 unit kediaman di Pangsapuri Rima Riang, PJS 1, Petaling Jaya pada harga RM42,000 seunit.

"Pelaksanaan skim ini kelak melengkapkan ekosistem akses perumahan di Selangor melalui pendekatan berperingkat, bermula sewaan kepada sewa beli seterusnya pemilikan," katanya.

Selangor juga mahu menjalankan 30 projek baik pulih dan penyelenggaraan harta bersama melalui peruntukan RM10 juta, naik sekali ganda berbanding tahun lalu.

Beliau berkata 14 projek dijalankan pada 2026 hasil dana RM5 juta untuk skim yang bertujuan membantu badan pengurusan pangsapuri kos rendah dan sederhana rendah membiayai kerja itu.

Sebanyak 413 projek telah dan sedang dijalankan bawah skim berkenaan membabitkan peruntukan RM157.7 juta antara tahun 2011 sehingga 2026.



RM30 sebulan untuk pengguna pengangkutan awam

KERAJAAN Selangor memperkenal bantuan subsidi RM30 sebulan kepada 13,000 pengguna bagi menggalakkan lagi penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam melalui program SEL 30.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata pemberian insentif melalui peruntukan RM5 juta itu bertujuan menggalakkan orang ramai menggunakan kereta api dan bas.

Beliau menjelaskan inisiatif tersebut sebagai langkah kesinambungan bantuan yang disalur melalui Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor ekoran konflik di Asia Barat awal tahun ini.

"SEL 30 sebuah program istimewa untuk rakyat Selangor yang bertujuan mengurangkan kos dan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam," katanya.

Menurut Amirudin, pihak berkuasa tempatan (PBT) akan menambah laluan pejalan kaki sepanjang 35 kilometer di negeri ini bagi memudahkan akses ke pusat utama termasuk stesen pengangkutan awam.

Beliau memberitahu pembinaan laluan berkenaan antara komponen penting yang menjadi kayu ukur kecemerlangan sistem pengangkutan awam sekali gus memastikan keberkesanannya mesra pengguna.

Katanya, Kerajaan Negeri juga menerima banyak pandangan pelbagai badan bukan kerajaan dan pakar luar negara yang menyatakan lebih banyak laluan yang selamat dan selesa diperlukan.

Menurutnya, audit pejalan kaki akan dilengkapkan sebelum akhir tahun ini dan menjadi rujukan bagi menyelesaikan isu laluan berkenaan supaya keseluruhan sistem dapat memberi keselesaan.

"Saya sarankan Ahli Dewan Negeri serta Ahli Majlis yang lain turut melaksanakan program ini di kawasan masing-masing bagi membantu memberi maklum balas berkesan kepada PBT," katanya.

Amirudin berkata Pusat Mobiliti Selangor diperkenal bagi mengintegrasi data dan sistem sedia ada supaya rakyat tidak memerlukan banyak aplikasi untuk maklumat lokasi dan stesen hentian.

Beliau menjelaskan peranan pusat sehenti itu diperkukuh melalui kos RM1.5 juta yang memberi tumpuan pada kerja pengintegrasian data termasuk aduan pengguna dan pemetaan laluan mobiliti.

Katanya, perkhidmatan Bas Smart Selangor yang dijenamakan sebagai Bas Kita Selangor pula akan ditingkat dari segi pengurusan laluan lebih sistematik termasuk kadar kekerapan lebih tinggi.

"Ini bertujuan menghubungkan rakyat dengan stesen rel di Selangor demi mencapai hasrat meningkatkan kadar penggunaan pengangkutan awam. Untuk itu, RM12 juta diperuntuk," katanya.

50,000 rakyat nikmati akses AI setahun

SERAMAI 50,000 rakyat Selangor bakal menikmati akses kepada aplikasi kecerdasan buatan (AI) Gemini selama setahun, termasuk pakej latihan secara dalam talian dan bersemuka.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata peruntukan RM12 juta disediakan bagi menjalankan inisiatif dengan kerjasama Pusat Kemahiran Teknikal Selangor (STDC) dan Google.

Beliau menjelaskan latihan berkenaan bertujuan melengkapkan rakyat daripada pelbagai latar belakang dengan kemahiran membangunkan sistem AI berasaskan ejen autonomi (agentic AI).

"Dengan kerjasama STDC dan Google, Kerajaan Negeri akan menawarkan akses Gemini Enterprise kepada 50,000 rakyat Selangor selama setahun berserta pakej latihan dalam talian dan secara bersemuka.

"Latihan ini akan memberi kemahiran kepada rakyat pelbagai latar belakang seperti pelajar, usahawan, petani, pengusaha syarikat pemula mahu pun warga emas untuk membangunkan sistem agentic AI," katanya.

Sebelum ini, program Teraju AI diperkenal menerusi kerjasama Google dengan penglibatan 10 jabatan negeri.

Setiap jabatan perlu mengenal pasti satu masalah pentadbiran yang boleh diselesaikan menggunakan teknologi AI. Tujuh jabatan berjaya menghasilkan satu produk untuk meningkatkan produktiviti di unit masing-masing.

5,000 CCTV

Selaras hasrat menjadikan Selangor sebagai Bandar Pintar, Kerajaan Negeri bercadang menambah 3,000 kamera litar tertutup (CCTV), menjadikan keseluruhan 5,000 unit menjelang 2030.



Melalui peruntukan RM2.5 juta, Amirudin berkata pelaksanaan itu memberi penekanan kepada penggunaan teknologi analitik pintar dan AI serta integrasi data CCTV dengan inisiatif Digital Twin Negeri Selangor.

"Pendekatan bersepadu ini dijangka meningkatkan keupayaan pengesanan awal insiden, meningkatkan keselamatan rakyat, mempercepat tindakan susulan serta memperkukuh pembuatan keputusan berasaskan data, sekali gus menyokong pengurusan bandar yang lebih cekap, selamat, responsif dan mampan," katanya.

Tempoh urusan lesen niaga, keraian disingkat

KERAJAAN Selangor memperkenal Dasar Speed Rakyat yang menawarkan pembaharuan lesen perniagaan dari tempoh satu tahun kepada dua tahun.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu usaha berkenaan dapat menjimatkan tempoh urusan peniaga dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) meliputi 122 jenis perniagaan.

Ia melibatkan restoran, kedai makanan, kedai runcit, pasar mini, kedai pembaikan kenderaan, institusi pendidikan dan pelbagai lagi yang menepati syarat kelayakan lesen PBT.

Beliau menjelaskan dasar sama juga menyediakan proses kelulusan permohonan penutupan jalan yang sebelum ini mengambil masa 14 hari tetapi akan dikurangkan kepada hanya tiga hari.

Urusan berkaitan permohonan permit penutupan jalan untuk sementara antaranya meliputi kegiatan kemasyarakatan, majlis perkahwinan ataupun kenduri dalam kalangan komuniti.

"Tempoh ini dikurangkan kepada hanya tiga hari supaya PBT dapat bertindak secara lebih pantas bagi memenuhi keperluan rakyat dan komuniti tempatan tanpa melibatkan masa ataupun prosedur yang terlampau rumit," kata Amirudin.



Dasar berkenaan adalah sinambungan Dasar Speed Selangor yang mula diperkenal pada tahun 2025 bertujuan memudahkan urusan perniagaan dan pelabur di negeri ini.

Menurut Amirudin, Selangor menyasar semua permohonan lengkap pelan kemajuan kepada Pusat Setempat (OSC) pada peringkat PBT dikeluarkan dalam masa sembilan hari pada tahun depan.

Beliau menjelaskan permohonan yang diberi perhatian termasuklah pembangunan industri dan komersial seperti ladang solar, pusat kediaman pekerja (CLQ) serta projek ekonomi kitaran.

Katanya, dasar berteraskan prinsip memudahkan perniagaan dan reformasi PBT itu sebelum ini mengurangkan tempoh kelulusan permit serta lesen kepada maksimum 24 jam bagi urusan tertentu, termasuk ubah suai kediaman.

"Kerajaan Negeri berharap peluasan Speed Selangor ini mempercepat pelaksanaan projek, meningkatkan keyakinan pelabur serta membuka lebih banyak peluang kepada perusahaan tempatan untuk berkembang.

"Usaha ini (juga) diharap dapat menarik pelaburan berkualiti, mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran dan berpendapatan tinggi serta memberikan manfaat ekonomi yang lebih besar kepada rakyat Selangor," katanya.

Katanya, semua agensi berkaitan termasuk Koridor Utiliti Selangor Sdn Bhd (KUSEL), penyedia utiliti dan jabatan teknikal juga menjalankan penyelarasan pantas bagi menjayakan dasar itu.

Perkasa seni budaya, pelihara warisan

TIGA Sasterawan Negara kelahiran Selangor bakal menerima penghargaan khas bagi menghargai sumbangan mereka selama ini dalam dunia kesusasteraan tanah air.



Mereka ialah Dato' Dr Anwar Ridhwan, Allahyarham Dato' Dr Ahmad Kamal Abdullah (Kemala) dan Prof Emeritus Datuk Dr Siti Zainon Ismail.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu ketiga-tiga tokoh tersebut akan menerima penghargaan sekali bayar RM30,000 seorang pada tahun depan.

"Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha meninggikan martabat kesusasteraan menerusi pengiktirafan kepada tokoh dan penglibatan generasi baharu," katanya.

Beliau menjelaskan penghargaan tersebut sebahagian peruntukan keseluruhan RM11.29 juta tahun depan bagi memperkasa bidang kesusasteraan, seni budaya dan pemeliharaan warisan Selangor.

"Inisiatif ini menzahirkan komitmen Kerajaan Negeri dalam mendukung usaha berterusan tokoh sastera untuk memartabatkan kesusasteraan, memperkaya khazanah persuratan serta membimbing generasi penulis baharu, khususnya di Selangor," katanya.

Amirudin berkata peruntukan berkenaan turut merangkumi pelaksanaan geran kebudayaan, pemuliharaan bangunan warisan serta pembangunan muzium.

Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan permulaan RM1 juta bagi Geran Kebudayaan Negeri Selangor untuk membantu badan bukan kerajaan (NGO), persatuan kebudayaan dan penggiat seni.

"Geran ini akan menyediakan akses pembiayaan kepada NGO, persatuan kebudayaan dan penggiat seni yang layak bagi melaksanakan inisiatif pemeliharaan warisan, pembangunan bakat serta projek kebudayaan berasaskan komuniti, sekali gus memperkukuh ekosistem kebudayaan dan warisan negeri," kata Amirudin.

Naik taraf muzium



Bagi inisiatif Adat Melayu dan Warisan, beliau berkata RM3.5 juta diperuntuk termasuk menaik taraf Muzium Sultan Alam Shah dan kerja konservasi dan pembangunan pengisian bangunan bersejarah di Bukit Malawati.

"Usaha ini bertujuan memastikan warisan negeri terus terpelihara serta dimanfaatkan untuk tujuan pendidikan, penyelidikan dan pelancongan warisan," katanya.



Sementara itu, dana sebanyak RM3.7 juta disediakan bagi kerja hiasan dalaman Muzium Setem Negeri Selangor daripada keseluruhan kos projek RM7.4 juta.

Muzium yang diilhamkan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj sejak 2015 itu bakal mengetengah koleksi filateli sebagai medium pendidikan sejarah dan tarikan pelancongan.

"Muzium ini bakal mengetengah koleksi filateli sebagai medium untuk memahami sejarah dan perkembangan negeri, di samping memperluas peluang pendidikan tidak formal serta mewujudkan tarikan pelancongan baharu di Selangor," katanya.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memperuntuk RM3 juta bagi kerja awalan pembangunan Muzium Tekstil Negeri Selangor di Bangunan Anggerik, Seksyen 14, Shah Alam.

Amirudin berkata projek menaik taraf bangunan enam tingkat bersebelahan Muzium Sultan Alam Shah itu melibatkan kos keseluruhan RM60 juta.

"Pembangunan muzium ini bakal menyediakan pusat rujukan khusus bagi tekstil warisan Selangor, sekali gus memperkukuh usaha penyelidikan, pendidikan dan pemeliharaan khazanah tekstil serta pengembangan pelancongan budaya negeri," katanya.

Kelas tujuh bahasa asing diterus, sedia RM500,000

KERAJAAN Negeri meneruskan Program Language Discovery tahun depan dengan peruntukan RM500,000 bagi membuka peluang kepada rakyat Selangor mempelajari bahasa ketiga secara percuma.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata program kendalian Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) itu mendapat sambutan menggalakkan apabila 4,000 rakyat telah menyertai kelas bahasa ketiga sepanjang tahun ini.

"Sambutan hangat ini menzahirkan sikap rakyat Selangor yang meraikan kepelbagaian budaya dan melihat keragaman sebagai peluang untuk menambahkan pengetahuan," katanya.

Tambah beliau antara bahasa yang ditawarkan ialah Mandarin, Tamil, Arab, Perancis, Jerman, Sepanyol dan Rusia.

Program Language Discovery bukan inisiatif baharu apabila mula diperkenalkan pada 2021 ketika negara berdepan pandemik Covid-19 dan diteruskan secara berperingkat sehingga kini.

Direkodkan lebih 10,000 peserta mengikuti program berkenaan sejak diperkenalkan, dengan pembelajaran dijalankan secara dalam talian.

Setakat 30 Mac, seramai 2,960 peserta mengikuti 148 kelas yang dikendalikan 38 tutor dengan bantuan 53 kakitangan PPAS. Pada ketika itu, 6,514 peserta lagi masih menunggu penempatan kelas.

Pada fasa awal program antara Julai hingga Disember 2021, seramai 4,611 peserta mengikuti pembelajaran asas secara maya menerusi Zoom atau Google Meet.

Sebanyak RM365,000 diperuntukkan ketika itu bagi membiayai yuran tenaga pengajar, membolehkan 320 kelas diadakan setiap minggu dengan 2,979 peserta berjaya menamatkan pengajian.

Program itu ketika itu menawarkan pelbagai bahasa termasuk Mandarin, Jepun, Perancis, Inggeris, Arab, Korea, Jerman, Turki, Itali, Tamil, Sepanyol, Belanda dan Rusia.

Pada 2023 pula, sebanyak 15 pilihan bahasa asing ditawarkan, antaranya Jerman, Perancis, Jepun, Arab, Sepanyol, Itali, Mandarin, Turki, Korea dan Belanda.

Penerusan itu membolehkan program tersebut terus menyediakan akses pembelajaran bahasa kepada rakyat Selangor secara percuma.

SIDANG PENGARANG

Editor (cetak):
Fazallah Pit
fazallah@mediaselangor.com

Penolong pengarang kanan:
Afix Redzuan
syafiq@mediaselangor.com

Penolong pengarang:
Norzilawati Sidek
zila@mediaselangor.com

Ketua wartawan:
Nadiah Zamlus
sitinadiah@mediaselangor.com

Ketua jabatan visual:
Hafiz Othman
alhafiz@mediaselangor.com

Pereka grafik:
Azwa Malek & Farah Azila Mustapha

Pemasaran dan Pengiklanan:
Mahadi Mohd Mustafa
mahadi@mediaselangor.com

Pengedaran:
Faridzwan Abdul Ghafar
faridzwan@mediaselangor.com

Editorial: **info@mediaselangor.com**
Iklan: **sales@mediaselangor.com**
Pemasaran: **marketing@mediaselangor.com**

MediaSelangor
Media Selangor Sdn Bhd,
Aras 11 Menara Bank Rakyat,
No 1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor
Tel: **03-5523 4856** Fax: **03-5523 6856**

selangorkini

Imbas waktu solat Selangor di sini



MENGHAYATI… **Petugas KDEB Waste Management (KDEBWM) khusyuk mendengar pembentangan Belanjawan Selangor 2027 oleh Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari di pejabat KDEBWM, Shah Alam pada 13 November. Sejumlah RM3.3 bilion diumum dalam belanjawan itu dengan RM1.9 bilion untuk pengurusan manakala RM1.4 bilion lagi untuk pembangunan. Foto AHMAD ZAKKI JILAN**

Bantuan kewangan dua bulan gaji

KERAJAAN Selangor mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) Kita Selangor 2026 sebanyak dua bulan gaji atau elaun dengan bayaran minimum RM1,000 kepada penjawat awam.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu BKK berkenaan sebagai penghargaan atas kesungguhan kakitangan kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan dan bantuan kepada rakyat.

Katanya, manfaat tersebut juga pengiktirafan terhadap usaha penjawat awam yang bertungkus-lumus menjayakan pelbagai inisiatif negeri, khususnya Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor.

Beliau berkata demikian ketika membentang Belanjawan Selangor 2027 di Dewan Negeri Selangor pada 13 November.

Bantuan berkenaan turut meliputi anggota pentadbiran Kerajaan Negeri yang gajinya dibayar oleh kerajaan persekutuan serta guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA).

Pelaksanaan BKK Kita Selangor membabitkan kesan kewangan sebanyak RM100.31 juta menggunakan peruntukan tahun semasa dan dijadual disalur pada 21 Disember 2026.

Sebelum ini, BKK sebanyak tiga bulan gaji iaitu satu bulan setengah gaji pada awal tahun diikuti satu bulan setengah gaji atau minimum RM1,000 pada akhir Disember tahun sama.

Manfaat tersebut juga pengiktirafan terhadap usaha penjawat awam yang bertungkus-lumus menjayakan pelbagai inisiatif negeri, khususnya Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor

Diterbitkan oleh **Media Selangor Sdn Bhd**, Aras 11, Menara Bank Rakyat, No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.
Dicetak oleh **Ultimate Print Sdn. Bhd** Lot 2, Jalan Sepana 15/3, off Pesiaran Selangor Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor